



PANDUAN PERLAKSANAAN

EKSA

EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM

POLITEKNIK MUKAH

Selamat . Selesa . Sejahtera



SELAMAT . SELESA . SEJAHTERA

Diterbitkan Oleh:

POLITEKNIK MUKAH

KM 7.5 JALAN OYA,

96400 MUKAH, SARAWAK

Tel: +6084-874001 | Faks: +6084-874005 | Website: <http://www.pmu.edu.my>

Pengarang:

PENGURUSAN EKSA PMU

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpanan kekal, atau dipindahkan dalam sistem simpanan kekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada pihak Politeknik Mukah.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-629-7710-17-4

Cetakan 2025

© Politeknik Mukah, 2025

eISBN 978-629-7710-17-4

SIDANG PENGARANG

PENAUNG

SUHAILI BIN ALEH

PENASIHAT

SOPHIAN BIN SOUT

KETUA EDITOR

IZAN FAHMEE BINTI NORDIN

EDITOR

YONG HUA YING

NUR AZLINDA BINTI MD SARU

NIK KHATIJAH BINTI NIK MUSTAFFA

ROZIAH BINTI ZAINAL ABIDIN

ROSITA BINTI MARNI

SLYVIA DENNIS

NORLIZA BINTI ABD. RAZAK

MUHAMMAD THARIQ BIN ABDUL RAZAK

MUHAMAD HASBOLLAH BIN HASSAN

MOHAMAD SHARIQ BIN MOHAMED NASARUDDIN

LATIFAH BINTI ABDUL AZIZ

RAMOS UKAR ANAK YAKOBUS

PEREKA GRAFIK

AG ASWAN BIN AG MOHD KASSIM

ISI KANDUNGAN

KATA-KATA ALUAN

PRAKATA

BAB 1	TUJUAN	1
BAB 2	PELAKSANAAN EKSA PMU	
2.1	PENGENALAN EKSA PMU	2
2.2	POLISI DAN MATLAMAT	9
2.3	OBJEKTIF	9
2.4	LOGO DAN KETERANGAN	10
2.5	MOTO EKSA PMU	11
2.6	CARTA ORGANISASI	11
2.7	PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	12
2.8	PEMBAHAGIAN ZON EKSA PMU	15
2.9	PELAN LANTAI ZON EKSA PMU	16
2.10	PELAN LANTAI ZON EKSA AKADEMIK DAN BUKAN AKADEMIK	17
2.11	PANDUAN PELAKSANAAN EKSA PMU	46

RUJUKAN

LAMPIRAN	1	TEMPLAT FORMAT LACI
	2	TEMPLAT TANDA NAMA PEGAWAI
	3	TEMPLAT PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB(PIC)
	4	KOMPONEN PENILAIAN EKSA PMU



Kata alu-aluan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Syukur ke hadrat llahi, atas limpah rahmat dan kurnia-Nya, sekali lagi Buku Panduan Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) berjaya diterbitkan iaitu bagi edisi ke-4. Buku ini adalah sebagai rujukan bagi pelaksanaan aktiviti EKSA ke arah pensijilan EKSA yang akan datang. Impak EKSA sangat besar dalam mewujudkan persekitaran kerja yang kemas, bersih dan tersusun di Politeknik Mukah (PMU) seiring dengan langkah-langkah transformasi perkhidmatan awam yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan awam melalui amalan EKSA.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pengurusan EKSA PMU di atas komitmen yang padu dalam menambahbaik Buku Panduan Pelaksanaan EKSA ini. Semoga dengan hasil usaha Pengurusan EKSA PMU ini, dapat memberi impak besar dalam membantu warga PMU membudayakan persekitaran tempat kerja yang lebih seragam dan sistematik ke arah pensijilan EKSA yang akan datang. Semoga pada masa akan datang, PMU akan beroleh pensijilan Kategori Cemerlang.

Akhir kata, saya menyeru seluruh warga PMU untuk sentiasa membudayakan amalan EKSA seterusnya memupuk kerja berpasukan yang baik di kalangan semua warga PMU.

Sekian, terima kasih.

SUHAILI BIN ALEH
Pengarah
Politeknik Mukah
15 JULAI 2024



Prakata

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi, atas limpah rahmat dan kurnia-Nya, Buku Panduan Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) edisi ke-4 secara rasminya dapat diterbitkan dan disebar luas sebagai rujukan kepada warga Politeknik Mukah (PMU). Isi kandungan Buku Panduan Pelaksanaan EKSA ke-4 ini adalah merujuk kepada cadangan atau komen daripada juru audit Mampu semasa pensijilan semula EKSA 2022 yang lepas. Buku ini dikemaskini agar dapat membantu warga PMU merancang dan melaksanakan usaha-usaha meningkatkan imej korporat secara positif, menggalakkan pembudayaan amalan hijau, menyemarakkan budaya kreativiti dan inovasi, serta menghasilkan persekitaran tempat kerja yang selesa, selamat dan kemas.

Amalan EKSA perlu disemai dari peringkat bawah sehingga ke peringkat atas kerana ianya berkait rapat dengan kecekapan dan produktiviti sesebuah organisasi. Semua warga mempunyai peranan masing-masing dalam menjadikan persekitaran PMU sentiasa selamat, selesa dan sejahtera.

Akhir kata, saya berharap agar semua warga PMU dapat berganding bahu menyahut setiap cabaran EKSA demi membentuk disiplin diri yang baik dan mewujudkan semangat kerja berpasukan yang tinggi dalam kalangan warga PMU.

Sekian, terima kasih.

SOPHIAN BIN SOUT

Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik)
Politeknik Mukah
15 JULAI 2024

BAB 1: TUJUAN EKSA

Panduan Pelaksanaan EKSA PMU ini disediakan adalah bertujuan sebagai sumber rujukan kepada semua warga PMU dalam menjayakan pelaksanaan EKSA di PMU. Justeru itu, dalam panduan ini menerangkan pelaksanaan EKSA yang akan diimplementasikan di PMU ke arah memperolehi pensijilan EKSA.

EKSA di PMU bertujuan mewujudkan persekitaran berkualiti secara sistematik dan praktikal. Melalui amalan ini, tempat kerja menjadi lebih teratur dan selesa sepanjang masa. Oleh yang demikian, kerja akan menjadi lebih produktif, cekap, selamat dan menjimatkan kos. Justeru itu, EKSA adalah asas kepada sistem peningkatan kualiti dan perkhidmatan yang akan menjadikan tempat kerja lebih kondusif dan produktif ke arah kecemerlangan Politeknik Mukah.

BAB 2: PELAKSANAAN EKSA

2.1 PENGENALAN EKSA PMU

EKSA adalah penjenamaan semula amalan 5S oleh pihak MAMPU dan masih mengekalkan prinsip seperti SEIRI (SISIH), SEITO (SUSUN), SEISO (SAPU), SEIKETSU (SERAGAM) dan SHITSUKE (SENTIASA AMAL). EKSA yang diperkenalkan ini bukan bertujuan untuk menggantikan konsep 5S yang telah sedia ada diamalkan, sebaliknya menambah baik elemen 5S tersebut dengan menyokong kepada pewujudan persekitaran kerja yang kondusif. Penjenamaan semula ini dilaksanakan bertujuan untuk membolehkan PMU meningkatkan imej korporat, menyemarakkan aktiviti kreativiti dan inovasi selaras dengan tuntutan pihak-pihak berkepentingan, menggalakkan aktiviti ke arah mewujudkan persekitaran hijau melalui pembudayaan *Go Green*, pelaksanaan di agensi-agensi kerajaan bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif dan memastikan elemen pengauditan memenuhi keperluan kepelbagaian organisasi.

Oleh yang demikian, pelaksanaan EKSA ini akan diimplementasikan oleh semua warga PMU bagi mewujudkan tempat kerja yang sistematik, teratur, bersih, selamat dan kemas. Amalan ini akan menjadikan sistem kebersihan di tempat kerja dan sekitar PMU lebih efisien dan memudahkan tugas harian yang akan dilaksanakan. Pelaksanaan EKSA ini merupakan teknik yang asas yang menjurus kepada pelaksanaan aktiviti harian di tempat kerja. Apabila pelaksanaan ini dapat dibuat, maka setiap staf yang bertugas di jabatan akan mempunyai rasa tanggungjawab dan sayang kepada PMU. Setiap staf PMU berperanan untuk melaksanakan EKSA tanpa ada seorang pun tertinggal. Ringkasnya, EKSA ini memerlukan penglibatan dan sokongan dari semua staf yang bertugas di PMU bagi menjayakannya. Secara keseluruhannya, implementasi EKSA di PMU dapat memacu ke arah penyampaian perkhidmatan yang cemerlang melalui persekitaran kerja yang kondusif, membentuk disiplin diri yang baik, semangat kerja berpasukan di samping mewujudkan rasa selesa terhadap persekitaran tempat kerja.

IMEJ KORPORAT

Imej Korporat merujuk kepada identiti atau persepsi pelanggan atau pihak berkepentingan terhadap persekitaran, tindakan dan pencapaian sesebuah organisasi. Nilai, etika dan norma kerja yang seragam dalam kalangan warga kerja amat diperlukan untuk mewujudkan budaya korporat yang positif. Selain ciri-ciri ini, EKSA juga turut menitikberatkan aspek keselamatan persekitaran di setiap jabatan atau agensi sektor awam.



KREATIVITI DAN INOVASI


Dalam usaha untuk mempertingkatkan produktiviti di tempat kerja, EKSA menggalakkan warga jabatan atau agensi membudayakan elemen kreativiti dan inovasi semasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Persekutuan sektor awam yang seringkali berubah mengikut peredaran masa menuntut pewujudan budaya organisasi yang dinamik berdasarkan kreativiti dan inovasi. Warga jabatan atau agensi digalakkan untuk sentiasa berfikir di luar kotak (*out of the box*) untuk menghasilkan persekitaran kerja yang kondusif dan selamat.





AMALAN HIJAU

Penekanan turut diberikan pada aspek Amalan Hijau di pejabat dengan melaksanakan program seperti kitar semula dan meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga ke arah penjimatan sumber. Aktiviti Amalan Hijau diharap dapat diterapkan kepada keseluruhan warga jabatan atau agensi ke arah penggunaan sumber secara optimum.




JIMAT KAN ELEKTRIK



Tutup ke badang memerluk kawang.
Hendak dibuat masuk lemak,
Segala urusan jika terancang,
Sikap membazar pasti terelak.

Sila Pastikan

**SUIS DITUTUP &
PLUG DICABUT**



JIMAT KAN PENGGUNAAN SUMBER AIR



Tutup ke badang memerluk kawang.
Hendak dibuat masuk lemak,
Segala urusan jika terancang,
Sikap membazar pasti terelak.

Sila Pastikan

**PILI AIR DITUTUP
DENGAN RAPAT**

JIMAT KAN PENGGUNAAN KERTAS



Tutup ke badang memerluk kawang.
Hendak dibuat masuk lemak,
Segala urusan jika terancang,
Sikap membazar pasti terelak.

Tip Jimat Kertas

- FIKIR DULU SEBELUM CETAK**
- CETAK SECARA 'TWO SIDED'**
- CIMA KERTAS TERRAKAI**



JIMAT KAN PENGGUNAAN PENGHAWA DINGIN



Tutup ke badang memerluk kawang.
Hendak dibuat masuk lemak,
Segala urusan jika terancang,
Sikap membazar pasti terelak.

Sila Pastikan

**SUHU DITETAPKAN
PADA TAHP OPTIMUM**

PERSEKITARAN KONDUSIF

Persekutuan kondusif adalah penting dalam memperkuatkan budaya organisasi berprestasi tinggi dan inovatif dalam kalangan jabatan atau agensi sektor awam. Amalan EKSA menggalakkan jabatan atau agensi sektor awam memberikan penekanan pada penyampaian sistem perkhidmatan, mesra pelanggan dan memberi keselesaan semasa berurusan. Bagi pelanggan orang kurang upaya (OKU), kemudahan yang sesuai harus disediakan.



KEPELBAGAIAN AGENSI

EKSA memperkenalkan model penilaian dan pengauditan baharu yang merangkumi kriteria generik dan kriteria khusus dengan mengambil kira kepelbagaian premis jabatan atau agensi kerajaan mengikut jenis perkhidmatan yang diberikan.



2.2 POLISI DAN MATLAMAT

POLISI

- Mengamalkan amalan EKSA melalui budaya berterusan di dalam persekitaran berkualiti, kondusif dan selamat ke arah kecemerlangan organisasi menerusi penggunaan sumber yang berhemah

MATLAMAT

- Memperolehi persijilan EKSA dari pihak MAMPU
- Memastikan budaya kerja EKSA diamalkan secara berterusan

2.3 OBJEKTIF

Mewujudkan persekitaran tempat kerja yang kondusif dan selamat untuk meningkatkan produktiviti kerja

Menjana semangat kerjasama warga PMU ke arah penghasilan kerja yang kreatif dan inovatif

Memanfaatkan penggunaan sumber secara optimum dan efisien

Memupuk amalan penyelenggaraan sebagai budaya kerja yang berterusan

2.4 LOGO DAN KETERANGAN



2.4.1 KETERANGAN LOGO

- 6 bilah kipas mewakili 5 Objektif penjenamaan semula 5S dengan 1 tujuan yang selari.
- Ikon ‘Bangunan Beratap Terendak’ sinonim dengan PMU, melambangkan pengamalan EKSA adalah secara menyeluruh di Politeknik Mukah.
- Bentuk logo yang bulat melambangkan ruang lingkup amalan EKSA yang meliputi warga PMU serta kefahaman yang mantap mengenai EKSA dalam kalangan warganya.

2.4.2 KETERANGAN WARNA

HIJAU

- Melambangkan mod positif dalam mengamalkan EKSA secara semulajadi dalam kerja sehari-hari warganya.

PUTIH

- Melambangkan ketulenan dan neutral. Amalan EKSA dalam kalangan warga PMU dilihat sebagai suatu yang sebatи dengan nilai murni yang diamalkan.

HITAM

- Melambangkan kesinambungan pengamalan EKSA dalam kalangan warganya dari pelbagai kumpulan pekerja.

MERAH

- Merupakan warna rasmi bagi politeknik seluruh Malaysia.


2.5 MOTO EKSA




2.6 CARTA ORGANISASI

Bagi pelaksanaan EKSA di PMU, pewujudan carta organisasi (tadbir urus) dan pengurusan yang mantap telah dilaksanakan di bawah pucuk pimpinan Penaung (Pengarah). Dua carta organisasi telah dibentuk yang bersesuaian dengan pengurusan di PMU iaitu Carta Organisasi JK Induk EKSA PMU dan Carta Organisasi JK Zon EKSA.

2.6.1 CARTA ORGANISASI JK INDUK EKSA PMU



2.6.2 CARTA ORGANISASI JK ZON EKSA



2.7 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA EKSA PMU

BIL	PERANAN	TANGGUNGJAWAB
1	PENAUNG	<ul style="list-style-type: none"> Menentukan hala tuju keseluruhan pelaksanaan EKSA PMU; Menetapkan polisi, matlamat dan objektif EKSA PMU; Melantik Jawatankuasa EKSA PMU; dan Memantau kemajuan pelaksanaan EKSA PMU.
2	PENASIHAT	<ul style="list-style-type: none"> Membentuk pelan tindakan pelaksanaan EKSA; Menetapkan dasar, peraturan dan garis panduan; Menentukan belanjawan dan sumber-sumber kewangan; Menetapkan sistem pengiktirafan / penghargaan; dan Mengawasi dan menilai kemajuan pelaksanaan melalui contoh amalan terbaik.
3	FASILITATOR EKSA	<ul style="list-style-type: none"> Memberikan latihan dan panduan kepada ketua zon dan ahli; Memastikan semua zon / kumpulan mematuhi peraturan dan panduan yang disediakan; Menentukan pembahagian zon; Merancang pelaksanaan audit dalaman EKSA PMU;

		<ul style="list-style-type: none"> • Menyemak kriteria audit dari masa ke semasa mengikut keperluan; • Menguruskan audit pensijilan semula EKSA PMU dalam tempoh tertentu; • Menjadi perantara untuk menyampaikan maklumat terkini antara pihak pengurusan dengan kumpulan pelaksana; dan • Menyelaras dan memantau aktiviti EKSA PMU.
4	PEGAWAI PENGURUSAN EKSA	<ul style="list-style-type: none"> • Menjadualkan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan EKSA; • Menyelaras program EKSA; • Melaporkan kemajuan dan status pelaksanaan EKSA; • Membantu pengurusan aktiviti promosi, latihan dan audit; dan • Menghebahkan maklumat terkini pelaksanaan EKSA dalam organisasi.
5	FASILITATOR ZON	<ul style="list-style-type: none"> • Membantu dan memantau pengurusan perancangan dasar EKSA di zon; • Memastikan semua zon / kumpulan mematuhi peraturan dan panduan yang ditetapkan di dalam Buku Panduan Pelaksanaan EKSA PMU; • Sebagai rujukan ketua zon dan semua ahli zon berkenaan dengan amalan EKSA di zon; dan • Menyelaras dan memantau aktiviti EKSA di zon.
6	SETIAUSAHA	<ul style="list-style-type: none"> • Merekodkan semua surat masuk/ keluar serta memfailkan; • Menyediakan surat seperti yang dikehendaki; • Menguruskan surat yang memerlukan tandatangan pihak atasan; • Menyediakan memo mesyuarat; dan • Menyediakan minit mesyuarat.
7	JAWATANKUASA AUDIT	<ul style="list-style-type: none"> • Menyelaras perlantikan Auditor Dalaman EKSA; • Menyelaras dan melaksanakan aktiviti audit EKSA PMU bagi tahun semasa; • Mencadangkan penambahbaikan terhadap kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti semasa proses audit; dan

		<ul style="list-style-type: none"> Menyemak kriteria audit dari masa ke semasa mengikut keperluan.
8	JAWATANKUASA LATIHAN	<ul style="list-style-type: none"> Mengenal pasti jenis latihan yang diperlukan dari semasa ke semasa bagi mengukuhkan aktiviti EKSA PMU; Menyediakan pelan pelaksanaan aktiviti latihan bagi memupuk budaya EKSA kepada semua warga kerja dalam organisasi; dan Menyelaras aktiviti latihan / kursus berkaitan pelaksanaan EKSA bagi tahun semasa.
9	JAWATANKUASA PROMOSI	<ul style="list-style-type: none"> Mengenal pasti aktiviti / kempen promosi bagi memupuk kesedaran penyertaan untuk menjayakan pelaksanaan EKSA; Mengemaskini sudut maya EKSA PMU dengan maklumat terkini; Merancang aktiviti promosi untuk warga PMU bagi tahun semasa; dan Menyelaras pelaksanaan aktiviti promosi EKSA PMU.
10	KETUA ZON	<ul style="list-style-type: none"> Merancang aktiviti EKSA di peringkat zon; Melaksanakan aktiviti EKSA di peringkat zon; Merekod dan mendokumentasikan aktiviti EKSA di zon; Mengemaskini Sudut EKSA; dan Membantu memberikan panduan dan tunjuk ajar kepada ahli-ahli kumpulan.
11	AHLI -AHLI	<ul style="list-style-type: none"> Memberikan komitmen secara berterusan dalam pelaksanaan EKSA di zon; Menyertai aktiviti EKSA secara aktif; Bekerjasama dalam kumpulan; dan Menghadiri mesyuarat dan menyumbangkan idea bagi menjayakan pelaksanaan EKSA di zon.
12	PIC	<ul style="list-style-type: none"> Merancang aktiviti EKSA di lokasi masing-masing; Memastikan lokasi dalam keadaan bersih, kemas dan kondusif; dan Merekod dan melaporkan segala kerosakan di lokasi.

2.8 PEMBAHAGIAN ZON EKSA PMU

ZON AKADEMIK

ZON BUKAN AKADEMIK

ZON KERANJI
Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA)

ZON RAMBUTAN
Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE)

ZON PULASAN
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal

ZON KIWI
Jabatan Perdagangan

ZON MARKISA
Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi,
Unit Teknologi Maklumat

ZON PISANG
Jabatan Matematik, Sains dan Komputer

ZON NONA
Jabatan Pengajian Am

ZON EPAL
Unit Pentadbiran, Bilik Persidangan, Jabatan
Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar, Unit
Perhubungan dan Latihan Industri, Unit
Peperiksaan, Unit Jaminan Kualiti, Unit
Pengurusan Prestasi, Bilik Persidangan, Pejabat
Pengarah, Kantin, Pondok Pengawal 1

ZON DELIMA
Pusat Islam

ZON CERI
Unit Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan,
Dewan Serbaguna (DSG)

ZON BETIK
Stor Utama, Unit Pembangunan dan
Penyelenggaraan, Pejabat Pemandu, Taman
Permainan, Tadika, Tangki Air, Pondok
Pengawal 5

ZON SALAK
Pejabat Kamsis, Kolej Kediaman, Kafeteria,
Klinik, Pondok Pengawal 2, 3 dan 4

ZON MANGGA
Pusat Sumber, Unit Infrastruktur dan
Multimedia (UIDM), Dewan Kuliah Utama
(DKU), Bilik Majlis Perwakilan Pelajar (MPP),
Corporate, Industrial Services & Employability
Centre (CISEC), Stor Pekerja Kebersihan

ZON DABAI
Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan, Dabai
Inn

2.9 PELAN LANTAI ZON EKSA PMU

ZON EPAL	ZON DELIMA	ZON PULASAN	ZON RAMBUTAN	ZON KERANJUI	ZON PISSANG	ZON NONA	ZON MARKISA	ZON KIWI	ZON DABAI	ZON CERI	ZON MANGGA	ZON SALAK	ZON BETIK

PELAN ZON EKSA


POLITEKNIK MUKAH





2.10 PELAN LANTAI ZON AKADEMIK DAN BUKAN AKADEMIK


2.10.1 PELAN LANTAI ZON AKADEMIK


ZON
RAMBUTAN





**ZON
PULASAN**







BENGKEL KIMPALAN & FABRIKASI LOGAM





BENGKEL MESIN & GEGAS






BENGKEL FOUNDRI & MOULDING




ZON KERANJI










HYDRAULIC LAB




CONCRETE LAB


**ZON
PISANG**






**ZON
NONA**






ARAS 2





ARAS 3

**ZON
MARKISA**




ARAS 1½







**ZON
KIWI**



PELAN LANTAI JABATAN PERDAGANGAN

ARAS 2







2.10.2 PELAN ZON BUKAN AKADEMIK



ZON
EPAL




Aras 1





Aras 2






Aras 3









**ZON
DABAI**






**ZON
MANGGA**



RUANG LEGAR DKU





BILIK PERBINCANGAN 1 - 4**BILIK KUBIKAL 9-14****BILIK KUBIKAL 15-30**

**ZON
BETIK**




UNIT PENGURUSAN ASET (UPA)				
Bilik Mini Mesyuarat UPA	Ruang kaki lima		Ruang Rehat	Bilik Sever
	Ruang Rehat Pekerja Tenaga mahir	Ruang Stok Stor		Pantri
Ruang Penyimpanan Barangan UPPF	Ruang Pejabat		Bilik Serbaguna	



ZON SALAK




PELAN LANTAI ZON SALAK




ZON CERI




PELAN LANTAI ZON CERI (PUSAT SUKAN, KOKURIKULUM & KEBUDAYAAN)



PELAN LOKASI JSKK, GELANGGANG PERMAINAN & PADANG






**ZON
DELIMA**



**PELAN LANTAI PUSAT ISLAM
POLITEKNIK MUKAH, SARAWAK**



2.11 PANDUAN PELAKSANAAN EKSA PMU

BIL	PERKARA	PELAKSANAAN EKSA	
1.	FAIL DAN DOKUMEN EKSA	JAWATANKUASA INDUK <ul style="list-style-type: none"> 1. Polisi, Matlamat & Objektif 2. Logo 3. Moto 4. Surat Pelantikan Jawatankuasa EKSA 5. Carta Organisasi EKSA <ul style="list-style-type: none"> • JK Induk • JK Zon 6. Carta Perbatuan EKSA 7. Pelan Lokasi <ul style="list-style-type: none"> • Pelan Lokasi zon EKSA PMU • Pelan Lantai Zon 8. Memo / Minit Mesyuarat / Nota Perbincangan 9. Laporan aktiviti EKSA <ul style="list-style-type: none"> • J/K Latihan • J/K Promosi • J/K Audit 10. Panduan Pelaksanaan EKSA PMU 	JAWATANKUASA ZON <ul style="list-style-type: none"> 1. Polisi, Matlamat & Objektif 2. Logo 3. Moto 4. Surat Pelantikan 5. Carta Organisasi Zon 6. Senarai PIC dan lokasi 7. Carta Perbatuan Zon 8. Pelan Lokasi <ul style="list-style-type: none"> • Pelan Lokasi zon EKSA PMU • Pelan Lantai Zon 9. Memo / Minit Mesyuarat / Nota Perbincangan 10. Laporan aktiviti EKSA <ul style="list-style-type: none"> • J/K Latihan • J/K Promosi • J/K Audit <p>**Gambar sebelum dan selepas bagi aktiviti gotong-royong</p> <ul style="list-style-type: none"> 11. Panduan Pelaksanaan EKSA PMU

2.	SUDUT EKSA	JAWATANKUASA INDUK	JAWATANKUASA ZON
		<p>1. Sudut EKSA disediakan secara maya.</p> <p>2. Sudut EKSA disediakan secara fizikal.</p> <p>2.1. Polisi dan Matlamat</p> <p>2.2. Objektif</p> <p>2.3. Logo dan Moto</p> <p>2.4. Carta Organisasi EKSA</p> <p>2.5. Carta Perbatuan EKSA</p> <p>2.6. Pelan Lokasi Zon EKSA PMU</p> <p>2.7. Informasi/hebahan</p> <p>2.8. Gambar sebelum dan selepas</p> <p>2.9. Tarikh kemaskini Sudut EKSA</p>	<p>1. Sudut EKSA disediakan secara fizikal.</p> <p>2. Keperluan Sudut EKSA Zon adalah seperti berikut:</p> <p>2.1 Polisi dan Matlamat</p> <p>2.2 Objektif</p> <p>2.3 Logo dan Moto</p> <p>2.4 Carta Organisasi</p> <ul style="list-style-type: none"> • JK Zon <p>2.5 Carta Perbatuan Zon</p> <p>2.6 Pelan Lokasi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelan Lokasi zon EKSA PMU • Pelan Lantai Zon <p>2.7 Informasi/hebahan</p> <p>2.8 Gambar sebelum dan selepas</p> <p>2.9 Tarikh kemaskini Sudut EKSA</p>
3.	GARIS PANDUAN EKSA PMU	Panduan EKSA PMU disediakan oleh JK Induk EKSA serta disebarluaskan melalui emel dan sudut maya EKSA kepada warga PMU.	
4.	PROGRAM PENJIMATAN TENAGA / SUMBER	Program ini dilaksanakan di bawah Jawatankuasa SmartGreen PMU dan diselaraskan penggunaan/pelaksanaan kepada warga PMU iaitu:	<ul style="list-style-type: none"> • Notis / arahan penjimatan tenaga • Penggunaan lampu / peralatan jimat tenaga • Penetapan suhu optimum • Penjimatan kertas • Penjimatan air • Kempen hijau

5.	RUANG KERJA / BILIK PEGAWAI	<p>1. Lantai ruang kerja / bilik pegawai sentiasa dalam keadaan bersih.</p> <p>2. Dinding dan siling bersih daripada kekotoran dan dalam keadaan baik.</p> <p>3. Memastikan semua lampu dan soket elektrik berfungsi dan dalam keadaan baik.</p> <p>4. Laci meja dilabelkan secara seragam kepada semua zon EKSA PMU (Lampiran 1) dan disusun dengan kemas.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Laci atas: Alat tulis • Laci tengah: Dokumen • Laci bawah: Peribadi <p>5. Bagi kabinet pintu gelangsar di ruang kerja, ianya perlu dilabel sebagai dokumen manakala sekiranya ia berada di bengkel/makmal boleh dilabel mengikut kesesuaian.</p> <p>6. Meja kerja perlu sentiasa bersih dan kemas. Perkara-perkara berikut dibenarkan berada di atas meja:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Skrin komputer, papan kekunci dan tetikus • Mesin pencetak (jika berkenaan) • Bekas berisi pen / alat tulis yang sentiasa digunakan • Buku nota / kalendar (jika berkenaan) • Cop dan senarai (jika berkaitan) • Tray dokumen (mengikut kesesuaian tempat) • Folder fail aktif (jika berkenaan) <p>7. Peralatan di atas meja sentiasa disusun kemas dan tidak berdebu.</p> <p>8. Kerusi hendaklah disusun rapi jika tidak digunakan.</p> <p>9. Menyediakan bakul sampah.</p> <p>10. Tatacara penggunaan untuk peralatan guna sama dipamerkan di tempat yang bersesuaian.</p> <p>11. Menyediakan label yang bersesuaian dan seragam bagi menunjukkan seksyen / unit.</p> <p>12. Arahan / notis bagi memastikan peralatan disusun kemas dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.</p> <p>13. Tanda nama pegawai adalah secara seragam kepada semua zon EKSA PMU (Lampiran 2).</p>
----	------------------------------------	---

	<p>14. Pegawai boleh meletakkan hiasan yang minimum dan berimej korporat di ruang kerja masing-masing.</p> <p>15. Pelan lantai dan pelan suis diletakkan di tempat yang mudah dilihat (jika melebihi 2 suis).</p> <p>16. Senarai aset alih (KEW.PA-7) adalah terkini dan dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.</p> <p>17. Melantik Pegawai Bertanggungjawab atau <i>Person-in-Charge</i> (PIC) bagi setiap ruang/bilik guna sama berserta nombor telefon untuk dihubungi.</p> <p>18. Label Pegawai Bertanggungjawab atau <i>Person-in-Charge</i> (PIC) adalah secara seragam kepada semua zon EKSA PMU (Lampiran 3).</p> <p>19. Pegawai dibenarkan meletakkan 2 pasang kasut dalam ruang kasut dan disusun dengan kemas.</p> <p>20. Pegawai dibenarkan meletak 1 kotak sahaja di bawah meja (jika perlu) dan dilabelkan mengikut kesesuaian.</p> <p>21. Blazer / selendang boleh disangkut dengan kemas di belakang kerusi / di tempat duduk (jika almari tidak disediakan).</p>
6.	<p>BILIK PEGAWAI</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Lantai ruang kerja / bilik pegawai sentiasa dalam keadaan bersih. 2. Dinding dan siling bersih daripada kekotoran dan dalam keadaan baik. 3. Memastikan semua lampu dan soket elektrik berfungsi dan dalam keadaan baik. 4. Laci meja dilabelkan secara seragam kepada semua zon EKSA PMU (Lampiran 1) dan disusun dengan kemas. <ul style="list-style-type: none"> • Laci atas: Alat tulis • Laci tengah: Dokumen • Laci bawah: Peribadi 5. Peralatan di atas meja sentiasa disusun kemas dan tidak berdebu. 6. Kerusi hendaklah disusun rapi jika tidak digunakan. 7. Menyediakan bakul sampah. 8. Tatacara penggunaan untuk peralatan guna sama dipamerkan di tempat yang bersesuaian (sekiranya berkaitan) 9. Blazer / selendang boleh disangkut dengan kemas di belakang kerusi / di tempat duduk (jika almari tidak disediakan).

7.	SUSUNAN BARANG DI ATAS RAK (STOR / MAKMAL / RUANG PEJABAT)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memastikan setiap barang bersih, tidak berdebu dan tersusun dengan baik. 2. Menyediakan sistem rekod inventori yang jelas dan teratur bagi memudahkan capaian barang dengan cepat dan pantas. 3. Menyediakan label pada setiap ruang letak barang/bahan. 4. Etika penggunaan dan peraturan pengambilan barang dipamerkan di tempat yang besesuaian. 5. Mengadakan penanda minimum / mencukupi (mengikut kesesuaian). 6. Stok yang asalnya berada di dalam bekas, kotak, tin, peti dan sebagainya hendaklah kekal penyimpanannya dan hendaklah dilabel untuk mudah dilihat. 7. Memastikan bahan-bahan yang tidak diperlukan atau rosak tidak bercampur dengan bahan yang masih boleh digunakan.
8.	BILIK FAIL	<ol style="list-style-type: none"> 1. Susunan fail mengikut urutan yang kemas dan teratur. 2. Setiap fail mempunyai label yang jelas dan boleh dicapai dengan mudah. 3. Kabinet fail dilabelkan mengikut jenis dokumen dan disusun dalam keadaan teratur, baik dan kemas. 4. Sistem pergerakan fail boleh diwujudkan bagi tujuan pengesanan fail yang sedang digunakan (contoh: kad daftar pengguna dan kad keluar masuk fail). 5. Tangga mudah alih / troli berada dalam keadaan baik dan ditentukan tempat khas (jika ada). 6. Melantik pegawai bertanggungjawab untuk memastikan bilik fail sentiasa dalam keadaan bersih dan fail-fail tersusun dengan kemas.
9.	LOBI UTAMA / KAUNTER UTAMA /	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memastikan persekitaran lobi utama / ruang hadapan sentiasa bersih, kemas dan ceria selaras dengan imej korporat.

	RUANG MENUNGGU	<ol style="list-style-type: none"> 2. Mempamerkan maklumat korporat yang terkini – Visi, Misi, Carta Organisasi, piagam pelanggan dan lain-lain. 3. Menyediakan Buku Kedatangan Pelawat, Direktori Pegawai, Sudut Informasi untuk pelanggan dan perhiasan bersesuaian dengan imej korporat. 4. Mempunyai ruang menunggu (disediakan dengan sofa/tempat duduk, bahan bacaan dan bakul sampah) 5. Memastikan kaunter utama sentiasa bersih, kemas dan ceria 6. Menyediakan direktori pegawai, borang / brosur yang berkaitan, bahan bacaan/informasi dan informasi mengenai PMU di kaunter utama. 7. Menyedia dan memaparkan carta aliran perkhidmatan yang dikemaskini
10.	LALUAN UTAMA / KORIDOR	<ol style="list-style-type: none"> 1. Lantai sentiasa berkeadaan baik, bersih, dan selamat. 2. Hiasan seperti pokok bunga yang berada di sepanjang laluan (jika ada) disusun dengan kemas, bersih dan teratur supaya tidak menghalang laluan. 3. Peralatan yang diletakkan di laluan utama / umum hendaklah disusun dengan baik supaya tidak menganggu laluan perjalanan. 4. Papan notis yang diletakkan di sepanjang laluan hendaklah sentiasa diselanggara dan dikemaskini maklumatnya. 5. Pintu kecemasan tidak dihalang dan sentiasa ditutup.
11.	PAPAN KENYATAAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyediakan tempat khas atau pelapik (jika perlu) bagi menampal pekeliling, notis, iklan, memo dan bahan bercetak, TIDAK dibenarkan ditampal pada cermin papan kenyataan dan juga dinding. 2. Melabel setiap ruangan bagi setiap perkara. 3. Memastikan informasi yang dipaparkan dalam keadaan baik dan terkini.

		<p>4. Memastikan papan kenyataan bebas dari kotoran, debu dan sentiasa diselenggara dengan baik.</p>
12.	BILIK MESYUARAT / DEWAN KULIAH / / BILIK KULIAH / MAKMAL DAN BENGKEL	<p>1. Memastikan semua peralatan berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan.</p> <p>2. Memastikan ruang bilik bersih, kemas dan selamat.</p> <p>3. Memastikan semua peralatan dilabelkan dengan betul, disusun dengan kemas dan berada dalam keadaan baik.</p> <p>4. Papan putih hendaklah dibersihkan selepas selesai digunakan.</p> <p>5. Memastikan informasi yang dipaparkan dalam keadaan baik dan terkini.</p> <p>6. Etika / tatacara penggunaan, pelan lantai, pelan suis (sekiranya melebihi 2 suis) dan senarai aset alih (KEW.PA-7) dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.</p> <p>7. Melantik pegawai bertanggungjawab bagi setiap ruang / bilik berserta nombor telefon untuk dihubungi.</p>
13.	SURAU / RUANG SOLAT	<p>1. Surau / ruang solat hendaklah sentiasa bersih, kemas, selesa dan tidak berbau.</p> <p>2. Telekung / kain pelikat dan sejадah dalam keadaan baik dan disangkut dengan kemas.</p> <p>3. Menyediakan tanda arah kiblat di tempat yang mudah dilihat.</p> <p>4. Al-Quran / bahan bacaan disusun dengan kemas di ruang yang sesuai.</p> <p>5. Selipar dan kasut disusun di atas ruang kasut yang disediakan.</p> <p>6. Memastikan ruang wuduk sentiasa bersih dan lantai tidak licin.</p> <p>7. Etika penggunaan surau / ruang solat perlu dipamerkan di tempat yang senang dilihat.</p> <p>8. Melantik pegawai bertanggungjawab untuk memastikan ruang solat sentiasa kemas dan bersih.</p>

14.	PANTRI	<ol style="list-style-type: none"> 1. Persekutaran pantri adalah bersih, kemas, tidak berbau dan bebas dari serangan serangga perosak 2. Sinki tidak tersumbat dan sentiasa dalam keadaan bersih. 3. Meja makan diletakkan alas dan sentiasa dalam keadaan bersih. 4. Pastikan tidak terdapat makanan yang telah luput tarikh disimpan di dalam peti sejuk. 5. Barang persendirian perlu dilabelkan. 6. Memastikan ruang kabinet sentiasa bersih, kemas dan dilabel mengikut kesesuaian. 7. Memastikan peti sejuk sentiasa dinyahbeku secara berkala. 8. Etika penggunaan pantri perlu dipamerkan di tempat yang senang dibaca. 9. Menyediakan pelan lantai dan pelan suis (sekiranya melebihi 2 suis). 10. Melantik pegawai bertanggungjawab untuk memastikan pantri sentiasa kemas, bersih dan selamat.
15.	TANDAS	<ol style="list-style-type: none"> 1. Keseluruhan ruang tandas termasuk lantai dan dinding sentiasa dalam keadaan bersih dan kering. 2. Memastikan sistem pengudaraan tandas dalam keadaan baik. 3. Meletakkan peralatan dan kelengkapan seperti cermin muka, tong sampah dan tong sanitari (jika berkenaan) di tempat yang bersesuaian. 4. Peralatan tambahan seperti bahan pewangi, tisu dan sabun disediakan di dalam tandas pegawai sahaja (tidak termasuk tandas pelajar). 5. Memaparkan jadual pembersihan tandas di ruang yang sesuai. 6. Etika dan peraturan penggunaan tandas perlu dipamerkan di tempat yang senang dilihat. 7. Melantik pegawai bertanggungjawab untuk memastikan tandas sentiasa bersih dan tidak berbau.

16.	ELEMEN KESELAMATAN	<p>1. Pelan Tindakan Kecemasan dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja PMU dan diselaraskan penggunaan / pelaksanaan kepada warga PMU iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Arahan keselamatan • Latihan pengungsian bangunan • Tanda amaran • Pelan laluan kecemasan dan tempat berkumpul • Tanda arah laluan kecemasan <p>2. Adakan tanda AMARAN / AWAS di tempat kawasan berisiko.</p> <p>3. Pastikan alat pemadam api digantung, tidak terlindung dan mudah dicapai.</p> <p>4. Pastikan alat pemadam api diselenggara secara berkala dan tidak melebihi tarikh luput.</p> <p>5. Menyediakan tatacara penggunaan alat pemadam api.</p> <p>6. Memastikan ruang gelung hos pemadam api mempunyai adalah bersih dan tiada barang lain diletakkan di ruang tersebut.</p> <p>7. Pastikan tiada halangan di laluan / tangga / pintu kecemasan.</p> <p>8. Pintu rintangan api tidak boleh terhalang dan perlu sentiasa ditutup.</p> <p>9. Pelan laluan kecemasan dipaparkan di tempat yang mudah dilihat.</p> <p>10. Tanda arah KELUAR dipaparkan dengan jelas.</p> <p>11. Senarai kandungan peti kecemasan perlu dipamerkan di luar peti kecemasan</p> <p>12. Kenderaan di tempat meletak kenderaan perlu menggunakan sistem <i>reverse parking</i> (hanya di Zon Epal).</p>
17.	PENGURUSAN PENDAWAIAN ELEKTRIK	<p>1. Wayar atau kabel elektrik perlu diikat kemas dengan menggunakan <i>cable tie / casing conduit</i>.</p> <p>2. Memastikan semua lampu dan soket berfungsi dan dalam keadaan baik.</p> <p>3. Semua plag dilabelkan mengikut kesesuaian peralatan elektrik yang digunakan.</p>

		<p>4. Melaporkan sebarang kerosakan pendawaian kepada bahagian penyelenggaraan setiap 6 bulan.</p>
18.	PENGURUSAN KUNCI	<p>1. Kunci disimpan di ruang penyimpanan yang selamat.</p> <p>2. Kunci dilabel mengikut tatacara keselamatan yang dibenarkan.</p> <p>3. Senarai kunci disimpan dengan selamat oleh pegawai bertanggungjawab.</p> <p>4. Menyediakan buku log peminjaman dan pemulangan kunci.</p>
19.	KAWASAN PERSEKITARAN	<p>1. Menyediakan tempat letak kenderaan yang sesuai bagi kereta dan motosikal pekerja dan pelawat.</p> <p>2. Tempat letak kenderaan orang kurang upaya (OKU) hanya di Zon Epal.</p> <p>3. Memastikan garisan di lot tempat letak kenderaan adalah jelas.</p> <p>4. Memastikan kawasan berumput bersih dan rumput tidak dibiarkan panjang.</p> <p>5. Memastikan jalan tidak berlubang, dalam keadaan baik dan selamat.</p> <p>6. Memastikan lampu jalan berfungsi dan dalam keadaan baik.</p> <p>7. Memastikan tanaman / pokok dalam keadaan baik, kemas dan bersih.</p> <p>8. Memastikan tong sampah mencukupi dan kawasan/tong pengumpulan sampah bersih, tidak berbau dan diuruskan dengan baik.</p> <p>9. Kawasan persekitaran sentiasa dalam keadaan bersih, kemas dan selamat.</p>
20.	KEMUDAHAN SUKAN (PADANG / GELANGGANG /	<p>1. Memastikan kawasan / persekitaran bersih, dalam keadaan baik dan selamat digunakan.</p> <p>2. Memastikan rumput di kawasan padang pendek.</p>

	GIMNASIUM / ASTAKA)	<p>3. Menyedia dan memaparkan peraturan / etika penggunaan kemudahan sukan yang disediakan (jika perlu)</p> <p>4. Memastikan semua peralatan dilabel dengan betul, disusun dengan kemas dan berada dalam keadaan baik.</p>
21.	TEMPAT MAKAN / KAFETARIA / KANTIN / PREMIS PERNIAGAAN	<p>1. Memastikan persekitaran bilik bersih, kemas dan selamat.</p> <p>2. Memastikan susunan perabot kemas.</p> <p>3. Hanya peralatan yang melibatkan aset PMU sahaja dilabelkan di kawasan ini. Tidak termasuk peralatan / kelengkapan pengusaha perniagaan.</p>

RUJUKAN

Panduan Pelaksanaan EKSA MAMPU

Kriteria EKSA Generik (Komponen A-E)

Kriteria EKSA Khusus (Komponen F)

LAMPIRAN 1**TEMPLAT FORMAT LACI**

Penggunaan Kertas:

Label ini akan dicetak menggunakan kertas berwarna hijau muda.

LAMPIRAN 2**TEMPLAT TANDA NAMA PEGAWAI**

LAMPIRAN 3**TEMPLAT PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB ATAU *PERSON IN CHARGE* (PIC)**

KOMPONEN GENERIK						
KOMPONEN A						
KEPERLUAN UTAMA PELAKSANAAN		1	2	3	4	5
A1) Dasar EKSA						MARKAH
1	Menyediakan Garis Panduan selaras dengan Dasar EKSA agensi.	Garis panduan tidak disediakan		Garis panduan disediakan kepada sebahagian warga agensi		Garis panduan disediakan kepada semua warga agensi
2	Menyebar Dasar dan Garis Panduan EKSA serta memastikan semua warga kerja memahaminya.	Dasar dan Garis Panduan EKSA tidak disebarluaskan		Dasar dan Garis Panduan EKSA disebarluaskan dan difahami oleh sebahagian warga		Dasar dan Garis Panduan EKSA disebarluaskan dan difahami oleh semua warga
3	Memastikan EKSA diamalkan dan dipatuhi oleh semua warga agensi.	EKSA tidak diamalkan dan dipatuhi oleh warga agensi		EKSA diamalkan dan dipatuhi oleh sebahagian warga agensi		EKSA diamalkan dan dipatuhi oleh semua warga agensi
4	Memastikan dokumentasi berkaitan pelaksanaan EKSA disusun dengan teratur dan sentiasa dikemas kini termasuk perkara yang berikut: i. Minit mesyuarat ii. Surat lantikan Jawatankuasa iii. Laporan aktiviti Jawatankuasa	Dokumentasi tidak teratur dan tidak dikemas kini		Sebahagian dokumentasi teratur dan dikemas kini		Semua dokumentasi teratur dan dikemas kini

5	Mewujudkan keseragaman pelaksanaan EKSA seperti ketetapan agensi/garis panduan yang dibangunkan oleh agensi.	Tiada keseragaman		Keseragaman pada sebahagian agensi		Keseragaman pada keseluruhan agensi	
